

PEMAHAMAN

Hal. Buku Teks: 181 – 216

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

BAHAGIAN A Sistem Bahasa dan Pemahaman

◀ SP 2.2.3; 5.1.1; 5.1.4; 5.2.1; 5.6.1

Soalan 1 – 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Pakej pelancongan daripada Agensi Pelancongan Helang Merah itu menawarkan penginapan di _____ bertaraf lima bintang.
A hotel C asrama
B chalet D apartmen
2. Hafizul _____ sebagai peguam di sebuah syarikat guaman yang tersohor di ibu negara.
A belajar C bermain
B bekerja D berkursus
3. Jururawat itu sedang menenangkan seorang pesakit kanak-kanak yang sedang menangis _____.
A terjerit-jerit C terketar-ketar
B teresak-esak D terbahak-bahak
4. Pak Cik Badrul menggunakan _____ untuk mengukur sudut tepat pada kayu itu.
A jejari C sesiku
B kekisi D kekuda
5. Kelihatan _____ sedang melakukan aktiviti pemanasan di tepi padang sebelum pertandingan bola sepak bermula.
A orang-orang
B tetamu-tetamu
C pemain-pemain
D pengadil-pengadil

Soalan 6 – 7

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

6. Sambutan Hari Pahlawan diadakan
A
untuk memperingati jasa dan pengorbanan para perajurit negara.
B C
Tiada kesalahan
D
7. Kasih sayang yang paling utuh
A
antara ahli keluarga akan mengeratkan hubungan kekeluargaan.
B C
Tiada kesalahan
D

Soalan 8 – 9

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

8. I Kami bekerja hingga lewat malam untuk persediaan sambutan Hari Kebangsaan.
II Amir ditegur oleh pengawas kerana sering lewat datang ke sekolah.
III Permohonan untuk menjadi ahli koperasi yang lewat tidak dilayan.

IV Kedengaran bunyi tembakan meriam itu lewat hingga dua kilometer jauh.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

9. I Kes rasuah pegawai itu *ditunda* kerana peguam tidak hadir.
II Kereta yang rosak itu telah *ditunda* ke bengkel petang itu.
III Undang-undang negara yang tidak sesuai lagi akan *ditunda*.
IV Pemain bola sepak yang mengalami kecederaan itu segera *ditunda* ke luar padang.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 10 – 12

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

10. Encik Halim berasa amat gembira sekali bila mengetahui beliau dinaikkan pangkat.
- A berasa amat gembira sekali apabila
 - B berasa amat gembira apabila
 - C berasa amat gembira bila
 - D berasa amat gembira sekali bila
11. Petugas di kaunter itu sentiasa senyum dan layan orang ramai dengan ramah.
- A sentiasa tersenyum dan layan
 - B sentiasa bersenyum dan melayan
 - C sentiasa tersenyum dan melayan
 - D sentiasa senyum dan layan
12. Lain perkara yang mana kurang penting turut juga dibincangkan dalam mesyuarat Kelab Koperasi pada petang semalam.
- A Perkara lain yang mana kurang penting

- B Perkara-perkara lain yang kurang penting
- C Lain-lain perkara yang kurang penting
- D Lain perkara yang mana kurang penting

Soalan 13 – 14

Pilih ayat-ayat yang betul.

13. I Puan Julia ialah doktor haiwan.
II Kakak Farhana sedang melayari Internet untuk mencari pekerjaan.
III Pekerja-pekerja itu memakai topi dan jaket keselamatan sebelum memulakan tugas.
IV Kakak Alisa kelihatan sungguh tampan apabila menggayakan busana pengantin itu.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
14. I Jururawat lelaki itu sangat ramah.
II Agensi pelancongan itu menawarkan pakej percutian yang agak murah.
III Para pengundi perlu datang lewat ke dewan untuk membuang undi.
IV Hiasan dalaman ruang tamu rumah Puan Aini sungguh anggun.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 15

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Abang Ikmal berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan.

15. Peribahasa yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah
- A ada udang di balik batu.
 - B ada gula, ada semut.
 - C ada angin, ada pokoknya.
 - D ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras.

Soalan 16 – 18 berdasarkan petikan cerpen di bawah.

Petang itu, dia pulang dari pejabat agak lewat daripada biasa. Sedang dia memandu keretanya di jalan taman perumahan, tiba-tiba dia berasa bahawa dia terlanggar sesuatu. Kemudian dia memberhentikan keretanya untuk meninjau benda yang dilanggarnya itu. Dia hanya mampu mengucap apabila seekor kucing terlanjar mati di bawah tayar keretanya. Namun, hatinya lebih tersentuh apabila datang seekor anak kucing mengiau-ngiau di hadapan kucing yang tidak bernyawa itu. "Mungkin ibunya," detik hatinya.

Petang itu, dia pulang bersama-sama dengan seekor anak kucing jantan dan yang paling gembira menyambut kepulangan dia ialah Anis. Cepat-cepat anak bongsunya itu mendukung anak kucing tersebut sambil bertanya, "Apakah namanya?" Dengan spontan dia menjawab, "Oren". Nama itu diberikan kerana seluruh bulu kucing itu berwarna oren.

Isterinya hairan kerana suaminya tiba-tiba membawa pulang seekor anak kucing. Isterinya tahu bahawa dia tidak berminat untuk memelihara kucing kerana telah beberapa kali anaknya, Azura dan Anis meminta ibunya untuk memelihara haiwan tersebut tetapi dia tidak membenarkannya. Hanya pada malam harinya barulah dia menceritakan perkara yang terjadi untuk menjawab kehairanan isterinya itu. Isterinya mengerti dan memberikan kasih sayang kepada Oren sebagai sebahagian daripada ahli keluarga mereka.

Sudut Sastera

► Cerpen ialah prosa moden yang merupakan cerita pendek sebagai kisah rekaan yang ringkas.

Dipetik daripada cerpen 'Oren',
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

16. Apakah yang menyebabkan "dia" memberhentikan keretanya?

- A Melihat benda yang dilanggarnya
- B Menyelamatkan anak kucing itu
- C Membawa anak kucing itu pulang ke rumah
- D Melihat kucing yang cedera itu

17. Mengapakah "dia" hendak memelihara anak kucing itu?

- A Berasa kasihan kepada anak kucing itu
- B Rasa bertanggungjawab kerana melanggar ibu anak kucing
- C Anak kucing itu agak cantik bulunya
- D Ibu kucing itu mati akibat dilanggarnya.

18. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang petikan cerpen di atas?

- A Isteri "dia" tidak mahu membela anak kucing itu.
- B Anis berasa gembira apabila melihat anak kucing itu.
- C "Dia" memang gemar memelihara kucing.
- D Ibu kucing itu telah mengalami kecederaan.